



LIONEL Richie (kiri) bersalaman dengan Dr. Mahathir Mohamad sambil diperhatikan oleh Abdullah Ahmad Badawi dan Najib Tun Razak sebelum jamuan Malam Gala Grand Prix F1 Petronas 2006 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, malam tadi.

UM - 17/3/2006.

# Seri Paduka, Raja Permaisuri berangkat ke Gala Grand Prix F1

KUALA LUMPUR 16 Mac - Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid malam ini menghadiri Gala Grand Prix F1 Petronas Malaysia.

Turut hadir Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor; menteri-

menteri kabinet, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali; selebriti, ketua-ketua pasukan dan pemandu Formula One (F1).

Konsert itu berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur sempena Grand Prix F1 Petronas Malaysia 2006 yang akan berlangsung di Litar Antarabangsa Sepang Ahad ini.

Malaysia menjadi tuan rumah pusingan 2 perlumbaan F1 musim ini

selepas membuka tirai di Bahrain hujung minggu lepas.

Tetamu dihiburkan oleh pemenang anugerah Grammy sebanyak lima kali, Lionel Richie yang terkenal dengan hitnya yang tidak ditelan zaman, seperti *Dancing on the Ceiling*, *Three Times A lady*, *Hello*, *All Night Long* dan *Penny Lover*, pada konsert selama 75 minit itu.

- Bernama